



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2017/2018

Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : LS 5305

Nama Kursus : Civil Procedure in Shariah Court

Peringkat Kursus : Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang
dan Sarjana Muda Perundangan
Syariah

Masa : 3 Jam

Rujukan dibenarkan:
Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005

Nota :

Jawab empat soalan dari soalan-soalan berikut.

بسم الله الرحمن الرحيم

Soalan Pertama (15 markah)

Peguam Syar'ie bertindak di Mahkamah Syariah berdasarkan '*wakalah bi al-khusumah*'. Wakalah bererti perwakilan. seorang "wakil" bererti orang yang diberi kuasa menggantikan atau bertindak bagi pihak anakguam.

- a) Sila huraikan peruntukan-peruntukan mengenai Peguam Syar'ie di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005. (7 markah)
- b) Terangkan 3 di antara tatatertib seseorang yang telah diterima masuk sebagai Peguam Syar'ie boleh dipotong dari didaftar, digantung daripada menjalankan amalan atau diberi amaran kedudukannya sebagai Peguam Syar'ie. (4 markah)
- c) Apakah tanggungjawab seseorang Peguam Syar'ie setelah menerima lantikan daripada anakguamnya? (4 markah)

Soalan Kedua (15 markah)

"Civil Procedure" bermaksud tatacara atau peraturan yang digunakan di Mahkamah di mana kes yang didengarkan bukan kes Jenayah.

- a) Apakah nama acara sivil yang digunakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam? (3 markah)
- b) Sebutkan 5 jenis kes yang dimulakan dengan Permohonan di bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005. (5 markah)

- c) Sebutkan 5 jenis kes yang dimulakan dengan Saman di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Penggal 217). (5 markah)
- d) Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005, naskah manakah yang terpakai? (2 markah)

Soalan Ketiga (15 markah)

Pendengaran kes merupakan satu proses utama sesuatu kes itu sebelum ianya diputuskan. Dengan kata lain, pendengaran kes adalah proses perbicaraan yang memerlukan penglibatan penuh semua pihak yang berkepentingan termasuklah plaintif, defendant, peguam masing-masing, termasuklah semua orang-orang yang berkepentingan dalam kes tersebut seperti saksi dan sebagainya. Peringkat ini bukan saja satu peringkat yang paling mencabar, tetapi juga memerlukan kemahiran dan kecekapan pihak-pihak dalam mengendalikan kes tersebut bagi menzahirkan atau menafikan tuntutan.

- a) Jelaskan persediaan-persediaan yang perlu bagi seseorang Peguam Syar'ie sewaktu Sebutan Kes. (7.5 markah)
- b) Terangkan kesan bagi ketidakhadiran Defendant di dalam sesuatu kes? Sila berikan 1 contoh kes mengenai ketidakhadiran Defendant. (7.5 markah)

Soalan Keempat (15 markah)

Dalam kes di antara *Mursida bt Mustakim lwn Hashim bin Abdullah* (2005) JH 21/1, 143, Panel Rayuan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor menyatakan:

“... oleh itu kami menjelaskan bahawa mengikut prosedur setiap pihak terikat kepada pliding. Mahkamah hanya boleh tertumpu membicarakan apa-apa yang ada dalam pliding masing-masing.”

- a) Terangkan fungsi Pliding. (3 markah)
- b) Apakah dokumen-dokumen yang termasuk di dalam maksud Pliding di Mahkamah Syariah? (4 markah)
- c) Sila nyatakan peruntukan mengenai dengan Pernyataan Tuntutan di dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005. (3 markah)
- d) Jelaskan peruntukan mana yang terpakai apabila Plaintiff menerima tuntutan balas daripada pihak Defendant dan dia berhasrat untuk membuat pembelaan terhadap tuntutan balas tetapi gagal mematuhi peruntukan 66(1) dalam Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah, 2005. (5 markah)

Soalan Kelima (15 markah)

Berikan ungkapan atau perkataan bagi tafsiran-tafsiran berikut:-

- a) Terjemahan sesuatu dokumen yang diperakui betul oleh Pendaftar Mahkamah atau boleh mana-mana orang lain yang boleh diterima oleh Mahkamah.
(3 markah)
- b) Tinggal tetap atau lazimnya tinggal dalam sesuatu kawasan yang tertentu.
(3 markah)
- c) Notis bertulis melainkan dalam apa-apa hal diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.
(3 markah)
- d) Orang belum dewasa, orang tidak siuman dan orang yang ditegah daripada menguruskan hartanya.
(3 markah)
- e) Borang yang dinyatakan dalam Jadual kedua dan borang yang dirujuk dengan suatu nombor ertinya borang yang dinomborkan sedemikian itu dalam Jadual tersebut.
(3 markah)

بالتوفيق والنجاح